



## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

### *Ministry of Agriculture and Food Industries*

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

## KENYATAAN MEDIA

### MAJLIS PERASMIAN PROGRAM RUMAH BURUNG WALET KOMUNITI B40

**TELUPID, 7 JULAI** – Seramai 20 peserta telah terpilih menyertai Program Rumah Burung Walet Komuniti B40 yang merupakan projek perintis Syarikat Beho Birdnest sebagai peneraju dalam membantu meningkatkan pendapatan golongan B40 di Sabah.

YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee menggalakkan kerjasama strategik antara Kerajaan dan pihak swasta untuk meningkatkan taraf kehidupan komuniti B40 pada Majlis Perasmian Rumah Burung Walet Komuniti B40 di Kampung Lumou, Telupid hari ini.

Syarikat Beho Birdnest merupakan antara pengusaha SBW yang bergiat aktif di Malaysia dan mempunyai loji berdaftar dengan pihak *General Administration of Customs of People's Republic of China* (GACC) yang telah diberi kelulusan untuk mengeksport sarang burung walet bersih (EBN-RC) dan sarang burung walet belum bersih (EBN-RUC) ke negara tersebut.

Dr Ronald berkata industri ini berpotensi tinggi sebagai antara penyumbang kepada ekonomi negara berdasarkan nilai eksportnya sebanyak 5,905 tan metrik dengan nilai RM1.8 bilion bagi tahun 2021, kenaikan lebih RM400 juta berbanding tahun 2020, dengan nilai RM1.385 bilion.

Sehingga tahun 2021, sebanyak 13,635 premis rumah burung walet telah berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan 25% daripadanya (3,413) adalah di Sabah, sementara 2,143 rumah burung walet telah mendapat Persijilan MyGAP di mana 373 daripadanya di Sabah.

Dr Akma Binti Ngah Hamid, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang turut bersama di majlis berkata, DVS telah mewujudkan satu Program Sistem Pendaftaran Premis Walet yang dikenali sebagai METS (*Malaysian EBN Traceability System*) bagi mengukuhkan sistem daya jejak yang mana menjadi salah satu syarat dalam pengeksporan sarang burung walet (SBW) Malaysia ke China.

“Faedah pelaksanaan program ini kepada pengusaha walet antaranya, hasilan sarang burung walet dari premis yang berdaftar dan mempunyai ID premis mendapat permintaan yang lebih tinggi,” kata Dr Akma.

Setakat ini, 44 loji pemprosesan sarang burung walet telah mendapat pensijilan *Veterinary Health Certificate Malaysia* (VHM). Manakala, 42 loji pemprosesan sarang burung walet mendapat pensijilan *Good Veterinary Hygiene Practice* (GVHP).

Negara pengimport utama SBW dari Malaysia adalah China yang mengimport 80% daripada jumlah keseluruhan eksport SBW Malaysia. Sehingga tahun 2021, sebanyak 41 loji SBW di Malaysia telah diluluskan oleh GACC iaitu 38 loji sarang burung walet bersih (EBN-RC) dan 3 loji sarang walet belum bersih (EBN-RUC).

MAFI akan terus menggalakkan pengeksporan produk-produk SBW ke luar negara bagi meningkatkan nilai eksport produk dan daya saing industri ini secara keseluruhannya.

MAFI menerusi DVS juga akan sentiasa menjalin kerjasama strategik serta perkongsian teknologi dan maklumat pemasaran bersama pemain-pemain industri dalam memastikan operasi sektor burung walet tidak mengalami sebarang gangguan bagi menjamin kelangsungan pengoperasian industri ini.

Turut hadir bersama, YBrs. Dr Jamaun Angkap, Timbalan Pengarah DVS Sabah dan YBrs. Tuan Roger Applonius, Pegawai Daerah Beluran.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
**7 JULAI 2022**